

25 OCT 2000

Mahathir-Perutusan

JANGAN PERJUDI PERPADUAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya jangan sekali-kali memperjudikan perpaduan dan keharmonian yang wujud dengan tindakan ekstrim yang boleh mencetuskan ketegangan sesama mereka.

"Saya ingin merayu kepada semua rakyat Malaysia supaya mengambil iktibar dan menghargai nikmat kehidupan yang kita kecapai hari ini sebagai rakyat Malaysia yang bertuah," kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena Hari Deepavali yang disambut masyarakat beragama Hindu esok.

Beliau berkata rakyat berlainan kaum, agama dan budaya kini hidup dalam sebuah negara merdeka dengan aman dan harmoni serta saling hormat menghormati.

Dr Mahathir berkata tidak seperti di sesetengah negara lain, rakyat Malaysia sama ada daripada kumpulan majoriti atau minoriti bebas mengamalkan agama, budaya dan adat resam masing-masing tanpa perlu takut atau merasa terancam.

"Ini mungkin sudah menjadi kebiasaan bagi kebanyakan kita terutama golongan muda. Tetapi percayalah, ini sebenarnya nikmat yang kita perolehi sebagai rakyat Malaysia yang bertuah," katanya.

Beliau berkata semua pihak telah berusaha dengan gigih untuk mengekalkan perpaduan dan keharmonian sepanjang negara ini merdeka dan hasilnya dapat dilihat dengan kejayaan membangunkan negara dan memakmurkan rakyat secara adil dan saksama.

"Kita harus memperakui kita pernah mengalami pertelingkahan kaum pada 1969 tetapi kita telah mempelajari daripada kesilapan itu dan amat wajar sekali kita tidak mengulangi kesilapan itu," katanya.

Dr Mahathir juga berkata hari perayaan seperti Deepavali perlu digunakan untuk merapatkan hubungan sesama rakyat pelbagai kaum demi menjamin keharmonian dan kesejahteraan berterusan.

Beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia beragama Hindu.

-- BERNAMA

MAM MAM MAI